

## UAE terima kunjungan UTMSPACE



Kuantan, 8 Mac, – UMP Advanced Education (UAE) menerima kunjungan dari Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan Universiti Teknologi Malaysia (UTMSPACE) bagi berkongsi pengalaman dalam menambahbaik urus tadbir dalam hal- ehwal akademik dan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) bertempat di UMP Gambang baru-baru ini.

Lawatan diketuai oleh Pengurus Besar Program Eksekutif UTMSPACE, Dr. Maslan Osman dengan diiringi dengan eksekutifnya, Mohd Noor Fairis Mohd Nawawi. Delegasi disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif UAE, Mohamad Rozi Hassan bersama Pengurus Besar (Akademik), Dr. Mohd Rashid Ab Hamid dan Penasihat Akademik UAE, Prof. Dr. Abdullah Ibrahim.

Menurut Mohamad Rozi Hassan, pihaknya amat berbesar hati dan amat berbangga dengan kunjungan dari UTMSPACE yang telah mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam pengurusan dan pengendalian pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di UTM.



Ujarnya, menerusi lawatan sehari ini membincangkan tentang aspek jaminan kualiti akademik program PSH yang dilakukan oleh UAE terhadap rakan kerjasama yang perlu menepati standard dan perkongsian amalan terbaik jaminan kualiti yang dilaksanakan oleh kedua-dua universiti ini.

"UAE dan UTMSpace akan terus memberi perhatian dalam penawaran program pembelajaran sepanjang hayat dan menambah baik proses jaminan kualiti yang sedia ada dari semasa ke semasa," katanya. Hadir sama Pengurus Kanan (Akademik), Amirul Ahmad yang menerangkan perkembangan terkini mengenai UAE.



Manakala Dr. Maslan pula berkata bahawa pendidikan PSH ini merupakan satu hasrat yang murni dalam merealisasikan pendidikan fleksibel dalam kalangan rakyat Malaysia dan memastikan program PSH dapat diperluas kepada bidang-bidang yang mendapat sambutan dalam kalangan industri khususnya Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Katanya, usaha ini juga bertepatan dengan agenda pendidikan negara seperti yang terkandung dalam Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional (2011-2020) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) bagi lonjakan tiga iaitu menghayati pembelajaran sepanjang hayat.

***Berita dan gambar disediakan oleh Nor Azurah Binti Mohd Salleh dari Bahagian Akademik UAE dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.***

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 21-03-2016, 09:51:26